

28

~~257~~  
~~25/79~~

UCAPAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI,  
DATUK HUSSEIN ONN, SEMPENA DENGAN  
PELANCARAN SEMINAR UNTUK JAWATANKUASA  
KEMAJUAN KAMPUNG PERINGKAT NEGERI PERAK,  
PADA HARI SABTU, 22HB DISEMBER, 1973  
DI SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN, TIGER  
LANE, IPOH JAM 2.30 PETANG.

PEN. 12/23/167 (TPM)

● Saudara Pengerusi Majlis,

YAB Menteri Besar Perak,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Saya berasa amat gembira dan bersyukur kepada Allah kerana dapat berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan yang datang menghadiri Seminar Jawatankuasa Kemajuan Kampung pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada pihak penganjur yang telah memberi saya kesempatan untuk berucap sepatah dua kata kepada tuan-tuan sekalian dan merasmikan Seminar ini.

Pada bulan yang lalu, saya telah berpeluang bertemu dengan peserta-peserta kursus dari Negeri Sembilan dan sesungguhnya merasa bertuah kerana dalam lawatan saya, kali pertama ke negeri Perak ini, dapat pula saya bertemu dengan peserta-peserta dari negeri ini.

2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, sejarah pembangunan masyarakat di negara kita bermula sejak Kerajaan melancarkan Rancangan Pembangunan Luarbandar mulai tahun 1961 dahulu. Konsep Jawatankuasa Kemajuan Kampung mulai dikenal sejak masa itu lagi sebagai satu institusi untuk mendapat penyertaan rakyat dalam pembangunan negara.

Sebagai manifestasi kepada tugas-tugas rakyat, menerusi jentera Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam pembangunan masyarakat, maka pada tahun 1966, Kerajaan telah melancarkan Gerakan Maju. Pada masa itu, Rancangan Pembangunan Luarbandar telah berjaya mengadakan kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, bangunan dan lain bagi penduduk-penduduk luarbandar. Gerakan Maju itu juga menegaskan betapa perlunya penduduk-penduduk kampung dibawah pimpinan yang dinamis menyatukan usaha mereka sejajar dengan usaha dan tindakan Kerajaan untuk kemajuan negara. Penduduk-penduduk ditegaskan untuk mengatasi empat masalah masyarakat iaitu masalah kemiskinan, kurang pelajaran, kesihatan dan sikap tidak apa.

3. Kemudian apabila Rancangan Malaysia Pertama dilancarkan, Kerajaan melancarkan pula kempen Jayadiri pada tahun 1968, di mana penduduk-penduduk ditegaskan supaya memberi keutamaan kepada inisiatif sendirian, berdikari dan memupuk semangat kepada kemajuan ekonomi dalam projek-projek yang dilaksanakan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Dari penjelasan ini, dapatlah dilihat bahawa Gerakan Maju dilancarkan mengikut kehendak dan cita-cita Rancangan Pembangunan Luarbandar. Demikian juga dengan Jayadiri telah menggantikan Gerakan Maju bagi memenuhi kehendak dan cita-cita Rancangan Malaysia Pertama.

Akibat peristiwa 13 Mei, kita terpaksa mengambil kata putus bagi menentukan arahan haluan negara pada tahun-tahun akan datang. Dengan itu, terciptalah falsafah Rukunegara. Dengan terlancarnya Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru serta diselaraskan menurut prinsip Rukunegara, maka pada bulan Ogos, 1972 Kerajaan mendapati perlu untuk melancarkan pula Gerakan Pembaharuan.

5. Tidaklah perlu untuk saya menghuraikan konsep baru Gerakan Pembaharuan ini, kerana dalam masa seminar, peserta-peserta akan diterangkan dengan lebih mendalam oleh pegawai-pegawai seminar. Walaupun begitu, saya inginlah menarik perhatian tuan-tuan bahawa apa yang

paling menarik dalam Gerakan Pembaharuan ini bukan saja tentang konsep dan penekanan baru yang terdapat di dalamnya, tetapi ialah penekanan dan kepercayaan Kerajaan kepada konsep Jawatankuasa Kemajuan Kampung sebagai jentera pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di peringkat kampung yang telah wujud sejak tahun 1962 lagi. Dan saya rasa, seminar yang akan berlangsung ini sudah kena pada tempatnya memandangkan bahawa dalam usaha Kerajaan menghidup dan mempergiatkan kembali aktiviti Jawatankuasa Kemajuan Kampung, tuan-tuan sebagai ahlinya perlulah diberi peluang berbincang dan mencari idea baru bagi menentukan peranan yang lebih berkesan bagi Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam menyambut seruan dan mencapai matlamat

Gerakan Pembaharuan dalam konteks pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru negara ini.

6. Baru-baru ini, Kerajaan telah menerbitkan kajian semula Rancangan Malaysia Kedua iaitu satu kajian dan penilaian ke atas usaha-usaha pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan setakat ini. Hasil dan kajian tersebut adalah didapati bahawa kejayaan yang dicapai dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan setakat ini adalah memuaskan. Tetapi, dari segi penyusunan semula masyarakat, iaitu untuk memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan mengurang serta menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, saya berpendapat walaupun kejayaannya telah nampak, tetapi

usaha-usaha bagi mencapai matlamat tersebut perlulah diperlipatgandakan lagi. Dengan kajian tersebut, Kerajaan berharap untuk menjadikannya sebagai asas yang kukuh dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

7. Dalam hubungan ini, perlulah saya mengulangi bahawa usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Ini adalah kewajipan bagi semua pihak, termasuk rakyat sendiri. Di sinilah terletaknya peranan Jawatankuasa Kemajuan Kampung kerana saya percaya bahawa tugas baru yang diberi kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam Gerakan Pembaharuan dapat membolehkan rakyat di kampung menggembelingkan

tenaga melalui institusi ini dalam menyambut cabaran kepada peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Kerajaan sedar bahawa perkara perubahan sikap di kalangan rakyat luarbandar merupakan sesuatu yang sangat susah dilakukan sekiranya tidak dibentuk satu jentera yang sesuai. Memandangkan hakikat ini, Kerajaan telah mengarahkan supaya Jawatankuasa Kemajuan Kampung dipulihkan dengan bentuk dan tugas baru sebagai jentera terpenting untuk membawa perubahan sikap di kalangan rakyat di luar bandar.

Gerakan ini dibuat kerana Kerajaan percaya bahawa Jawatankuasa Kemajuan Kampunglah yang lebih mengetahui akan masalah orang kampung dan cita-cita mereka. Jawatankuasa ini boleh disifatkan sebagai jentera penggerak aktiviti di luarbandar. Tuan-tuan tentu lebih maklum bahawa kejayaan rancangan pembangunan adalah bergantung kepada penyertaan dan penglibatan rakyat kerana dalam usaha mengubah sikap dan cara hidup mereka, adalah perlu bagi mereka sendiri sedia dan sanggup menerima perubahan itu.

9. Sejak kempen Gerakan Pembaharuan dilancarkan di Dungun pada tahun 1972 dahulu, setakat ini, sebanyak 2,758 buah Jawatankuasa

Kemajuan Kampung telah diwujudkan kembali dalam bentuk yang baru bagi beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia ini. Dari sini dapatlah kita lihat bahawa walaupun Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu merupakan sebuah badan yang kecil, tetapi sekiranya tiap-tiap Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu dapat memainkan peranannya masing-masing, jentera ini akan menjadi satu force, satu tenaga yang paling berkesan dalam membawa perubahan sikap seluruh rakyat di negara ini untuk mencapai pembangunan dan membina satu masyarakat luarbandar yang penuh dengan kesedaran.

10. Satu perkara yang perlu saya menarik perhatian tuan-tuan ialah, di bawah Gerakan Pembaharuan ini Kerajaan akan memberi perhatian

kepada mengadakan kursus-kursus latihan untuk ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa di masa-masa lepas, Jawatankuasa Kemajuan Kampung telah dapat memberi sumbangan yang berharga kepada kemajuan pembangunan negara kita, tetapi dalam konteks pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kursus-kursus latihan merupakan suatu keperluan, memandangkan bahawa ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung perlu didedahkan kepada perkembangan dan idea baru mengikut strategi baru pelaksanaan rancangan pembangunan negara kita bagi membolehkan mereka menjalankan tugas masing-masing dengan jayanya. Walaupun begitu, perlulah saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan

tidaklah mampu untuk melatih semua ahli Jawatan kuasa Kemajuan Kampung yang terlalu besar bilangannya itu. Apa yang diharapkan ialah mereka yang berpeluang memperoleh pengetahuan daripada kursus-kursus latihan yang telah dan akan diadakan itu, seterusnya dapat menggunakannya bagi faedah rakyat kampung dalam usaha mengubah sikap bagi menuju ke arah pembangunan.

11. Setakat ini, negeri Kedah, Negeri Sembilan dan Pahang telahpun memulakan kursus latihan bagi kumpulan pertama ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di negeri masing-masing. Di peringkat pusat pula, kursus latihan bagi kumpulan pertama terdiri dari mereka yang dipilih dari beberapa negeri, telahpun dijalankan.

Dan saya juga difahamkan, bahawa Seminar yang akan berjalan selepas ini, selain daripada memberi peluang kepada tuan-tuan berbincang, merupakan pula satu cara latihan untuk tuan-tuan sekalian. Dengan bermulanya seminar ini, saya berharap, ianya akan menjadi satu titik permulaan bagi kegiatan pembangunan masyarakat yang lebih aktif bagi negeri Perak ini.

Mudah-mudahan kegiatan menghidup, memberi jiwa baru dan menggerakkan semula Jawatankuasa Kemajuan Kampung di negeri ini, akan dapat berjalan dengan lancarnya.

12. Sebagaimana yang telah saya umumkan di Seremban baru-baru ini, Kerajaan telahpun menubuhkan jawatan Penolong Pegawai Daerah

khas untuk menjalankan tugas-tugas pembangunan masyarakat di bawah Gerakan Pembaharuan ini. Langkah ini semata-mata bertujuan memberi perhatian dan bimbingan kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung bagi menentukan supaya tiap-tiap Jawatankuasa ini benar-benar dapat bergerak dengan aktif serta memberi sumbangan yang berharga kepada negara. Kerajaan juga telah mengarahkan pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah supaya membuat lawatan yang lebih kerap dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung bagi mendengar dan menyelesaikan masalah yang terdapat disesuatu kampung itu.

Dengan itu, inginlah saya tegaskan bahawa Kerajaan sentiasa bersikap serious dalam melaksanakan kempen Gerakan Pembaharuan ini. Sesungguhnya tuan-tuan yang menjadi ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung hendaklah menghadapi usaha bagi mencapai matlamat Gerakan Pembaharuan ini dengan penuh cabaran.

Tuan-tuan dan Puan-puan,


13. Masalah besar yang dihadapi oleh negara pada masa ini ialah kenaikan harga barang yang mana akibatnya lebih dirasakan oleh orang-orang kampung sendiri. Sungguhpun Kerajaan sedang mengambil langkah bagi mengatasinya, tetapi saya merasa yakin bahawa orang kampung

sedikit sebanyak dapat memainkan peranan dalam memerangi gejala-gejala inflasi ini. Dalam hal ini saya gembira mendengar bahawa Kerajaan negeri Perak di bawah pimpinan Datuk Menteri Besar sendiri telah melancarkan kempen Bumi Hijau sebagai menggalak semua orang bertanam makanan di belakang rumah masing-masing sebagai usaha memperbanyak barang-barang makanan seperti sayur bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang-barang makanan. Kempen Bumi Hijau ini sangatlah selaras dengan cita-cita Gerakan Pembaharuan dan saya ingin berseru supaya semua gulungan rakyat akan memberi sokongan penuh bagi menjayakan kempen ini. Kembalilah kepada usaha berbudi pada tanah kerana manfaatnya dirasakan oleh semua.

14. Akhir sekali sebagai penutup, saya inginlah berseru kepada tuan-tuan yang menghadiri seminar ini supaya memberi perhatian yang serius terhadap ceramah dan perbincangan yang diadakan supaya tuan-tuan akan mendapat faedah yang sepenuhnya. Mudah-mudahan kita menjadi kumpulan yang diberkati Tuhan dalam usaha kita.

15. Dengan harapan ini, sukacitalah saya merasmikan pembukaan Seminar Jawatankuasa Kemajuan Kampung peringkat negeri Perak ini.

16. Gembeling Usaha Untuk Maju.  
Terimakasih.





No Siri .....	584
No Penerimaan .....	91/79